

# SPEKTRUM@PSN

Edisi Mac 2014

## Apa yang menarik bulan ini?

- Majlis Perasmian *An Evening of Fear* bersama Ahli Mesyuarat Pasca Kabinet MOSTI... 1
- Pengunjung Kuasai Ketakutan di Festival *Science of Fear*... 2
- PSN Anjur Program *Meet the Scientist*... 2
- Sana-sini PSN... 3
- Info Sains... 3
- Program Menarik Akan Datang... 4
- Judul Buku Untuk Bulan Ini... 4
- Jom Kenali Bahan Pameran... 4

Sebarang pertanyaan atau maklumbalas boleh menghubungi:

**Pusat Sains Negara,  
Kem. Sains, Teknologi dan  
Inovasi,  
Persiaran Bukit Kiara,  
50662 Bukit Kiara  
Kuala Lumpur**  
Tel: 03-20893400  
Faks: 03-20893401  
[www.psn.gov.my](http://www.psn.gov.my)  
[www.facebook.com/PusatSainsNegara](http://www.facebook.com/PusatSainsNegara)



## MAJLIS PERASMIAN AN EVENING OF FEAR BERSAMA AHLI MESYUARAT PASCA KABINET MOSTI

**Kuala Lumpur, 11 Mac 2014** - Pusat Sains Negara, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi sedang menganjurkan Pameran *Science of Fear* bermula dari 30 Disember 2013 sehingga 30 April 2014. Sempena pameran tersebut, Majlis *An Evening of Fear* diadakan khusus kepada semua Ahli Mesyuarat Pasca Kabinet MOSTI bersama ahli keluarga untuk merasai pengalaman menerokai pameran berkenaan. Majlis yang berlangsung secara santai ini telah dirasmikan YB Datuk Dr. Ewon Ebin, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.

Matlamat utama pameran *Science of Fear* adalah untuk menyingkap dan meleraikan persoalan tentang perasaan takut yang telah dibuktikan wujud disebabkan oleh peranan otak manusia. Ia bakal membuka minda masyarakat Malaysia yang terlalu mempercayai fenomena paranormal untuk melihat kejadian-kejadian aneh dan mistik yang boleh diterangkan melalui konsep-konsep sains melalui paparan elemen-elemen seram yang mampu mencetus perasaan takut dan emosi cemas dalam minda manusia.

Pameran ini mula dibuka kepada pengunjung pada 30 Disember 2013 bertempat di Pusat Sains Negara, Kuala Lumpur dan akan berakhir pada 30 April 2014. Harga tiket bagi pameran ini ialah RM8 bagi dewasa dan RM5 bagi kanak-kanak. Untuk sebarang info lanjut mengenai pameran ini boleh menghubungi Pusat Sains Negara di talian 03-20893400 atau melayari laman web [www.psn.gov.my](http://www.psn.gov.my) serta facebook Pusat Sains Negara.



## PENGUNJUNG KUASAI KETAKUTAN DI FESTIVAL SCIENCE OF FEAR

Bersempena dengan berlangsungnya pameran bertema *Science of Fear* di Pusat Sains Negara, satu festival telah dianjurkan pada 22 dan 23 Mac 2014 bertempat di Pusat Sains Negara, Bukit Kiara, Kuala Lumpur.

Pelbagai aktiviti telah dianjurkan antaranya *Survival Room*, *Conquer your Fear Challenges*, *Cosplay Parade*, *Cosplay Competition* dan *Meet the Serpents*. Matlamat utama penganjuran festival ini adalah untuk mencabar diri para pengunjung menguasai ketakutan yang ada pada mereka. Di samping itu, pengunjung juga berpeluang untuk mengetahui lebih lanjut mengenai jenis-jenis ketakutan yang wujud dalam diri manusia.

Dianggarkan seramai lebih 10,000 orang pengunjung telah hadir ke festival yang berlangsung selama 2 hari ini. Pengunjung yang hadir juga begitu teruja dan terhibur dengan semua aktiviti yang disediakan.



## PSN ANJUR PROGRAM MEET THE SCIENTIST

Program *Meet the Scientist* iaitu salah satu program awam yang dianjurkan setiap tahun oleh Pusat Sains Negara telah diadakan pada 20 Mac 2014 bertempat di Pusat Sains Negara, Kuala Lumpur.

Pada kali ini, Pusat Sains Negara telah menjemput seorang penceramah daripada Jepun iaitu Prof. Dr. Takeo Furukawa. Beliau telah memberikan syarahan yang bertajuk *Future of Polymer Sciences*. Dianggarkan kira-kira 230 orang peserta telah menyertai ceramah ini dan rata-ratanya adalah terdiri daripada golongan pelajar sekolah, kolej dan universiti tempatan.

Objektif utama penganjurannya adalah untuk memberi pendedahan kepada golongan pelajar mengetahui lebih mendalam mengenai bidang *Polymer Science* dan seterusnya menanam minat mereka untuk menguasai bidang ini.

Selaras dengan objektif tersebut, diharapkan semoga program sebegini akan diteruskan lagi dengan menjemput lebih ramai penceramah yang pakar dalam bidang sains untuk berkongsi pengalaman serta pengetahuan mereka terutamanya kepada golongan muda sama ada pelajar sekolah atau institusi pengajian tinggi di negara kita.



# SANA-SINI PSN...

## Kem Sains PSN 2014

14-16 Mac 2014  
Pusat Sains Negara,  
Kuala Lumpur



## Lawatan Delegasi Morocco

9 Mac 2014  
Pusat Sains Negara,  
Kuala Lumpur

## Karnival Sains Teknologi (*Outreach*)

19-21 Mac 2014  
Padang Awam Sik, Kedah



## INFO SAINS



### Tahukah anda?

Kajian sains mendapati bahawa kawanan burung yang terbang dengan formasi 'V' bertujuan untuk menjimatkan tenaga.



# PROGRAM MENARIK AKAN DATANG...

## ❖ Pameran '1001 Inventions'

31 Ogos 2013 – 31 Mei 2014

Pusat Sains Negara  
Kuala Lumpur

## ❖ Pameran 'Science of fear'

30 Disember 2013 – 30 April 2014

Pusat Sains Negara  
Kuala Lumpur

## ❖ Kuala Lumpur Engineering Science Fair

25-27 April 2014

Pusat Sains Negara  
Kuala Lumpur

### Jom Kenali Bahan Pameran




**Nama:** *Playpoint Swirl*

**Lokasi:** *Science Wonderland*

**Fungsi:** Apabila anda memusingkan bahan pameran ini, pelbagai corak akan terbentuk oleh cecair yang terdapat di dalamnya.



### JUDUL BUKU UNTUK BULAN INI



#### *THE SIMPLE SCIENCE OF FLIGHT*

**Penulis:** Henk Tennekes

**Penerbit:** The MIT Press Cambridge,  
Massachusetts, London (1998)

Buku ini memberi pengenalan ringkas dan mudah untuk mengenali bidang ilmu mekanik penerbangan. Penulis buku ini melihat ilmu mekanik penerbangan sebagai salah satu kemuncak kebijaksanaan manusia dalam menguasai bidang sains.